



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Simpanan RM236,994 hangus angkara Sarjan Chong  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 29 August 2020

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 11

## Simpanan RM236,994 'hangus' angkara Sarjan Chong

**KUANTAN** – Duit simpanan seorang pesara wanita berjumlah RM236,994 'hangus' selepas diperdaya seorang individu bernama Sarjan Chong dipercayai anggota sindiket Macau Scam.

Mangsa yang berusia 66 tahun menyedari ditipu oleh sindiket tersebut selepas termakan dengan kata-kata anggota polis itu yang mendakwa warga emas tersebut terlibat dalam kes pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa dihubungi seorang suspek melalui panggilan telefon pada 23 Julai lalu.

"Seorang lelaki memaklumkan terdapat bungkusan berisi kad pengenalan dan beberapa keping kad bank telah dihantar kepada mangsa.

"Mangsa dikatakan terbabit dengan kes perubahan wang

haram dan untuk membersihkan namanya, wanita tersebut mesti mengikut arahan yang diberikan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd. Wazir berkata, perbualan telefon itu kemudian disambungkan pula kepada seorang lelaki menyamar polis menggunakan nama Sarjan Chong.

Jelasnya, anggota polis itu mengarahkan mangsa meletakkan sampul berisi kad bank, buku

akaun Tabung Haji, buku akaun Amanah Saham Bumiputera dan buku akaun bank di pondok telefon berhampiran Masjid Beserah di sini pada 3 Ogos lalu.

"Suspek memaklumkan, barang-barang tersebut diperlukan untuk membantu siasatan dan membersihkan nama mangsa daripada kes jenayah yang dihadapinya," katanya.

Tambah beliau, mangsa menyedari dia ditipu selepas mem-

buat semakan di bank kelmarin dan mendapati wang simpanannya berjumlah RM236,994 telah lesap.

"Siasatan mendapati wang tersebut telah dipindahkan ke dalam akaun individu lain pada 2 Ogos dan 10 Ogos lalu," katanya.

Mangsa membuat laporan mengenai kes tersebut di Balai Polis Beserah di sini kelmarin. Kes itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.